

Calon proaspirasi sa pu bersih ke rusi se mbilan IPTA

oleh Syuhada Shoo Abdullah, Norzilawati Abdul Halim, Tamrin Anuar, Khairina Yasin
dan Ahmad Zadi Hitam

CALON proaspirasi menyapu bersih semua kerusi Majlis Perwakilan Rakyat (MPP) di sembilan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pada pilihan raya kampus sesi 2003/2004 yang berlangsung serentak seluruh negara, kelmarin.

Selain itu, mereka juga merampas kepemimpinan MPP daripada barisan propembangkang di tiga IPTA lain, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM), di samping kekal diterajui di tiga universiti lain dengan mendapat lebih banyak undi.

Calon proaspirasi menguasai sepenuhnya 204 kerusi di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) 13, Universiti Malaysia Sabah (UMS) 33, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) 20 dan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) 21.

Selain itu, Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) 12, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) sembilan, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (Kukum) sembilan serta Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem) 15.

Dengan keputusan itu bermakna, calon proaspirasi kekal menguasai

Selain itu, mereka juga merampas
kepemimpinan MPP daripada barisan
propembangkang di tiga IPTA lain, iaitu

UKM, UPM dan USM

semua kerusi MPP di Unimas, UiTM, UMS, KUTKM, KUiTTHO, Kuim, Kuktem dan Kukum, manakala di Kustem pula, mereka berjaya mengatasi keputusan tahun lalu yang mencatatkan 12 kerusi dimenangi proaspirasi dan baki tiga lagi propembangkang.

Kepemimpinan MPP di dua IPTA, iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaysia (UM), kekal diterajui calon propembangkang, bagaimanapun undi calon proaspirasi keseluruhannya meningkat.

Calon proaspirasi memenangi 15 daripada 36 kerusi di UIAM, meningkat berbanding hanya 10 daripada 29 kerusi tahun lalu, manakala di UM pula, mereka menguasai 13 daripada 39 kerusi dipertandingkan kali ini, juga meningkat berbanding cuma lima kerusi pada sesi lalu.

Keputusan pilihan raya di UKM dan UPM mencatat sejarah apabila

calon proaspirasi merampas kepemimpinan MPP yang propembangkang selama tujuh tahun di UKM, manakala di UPM empat tahun.

Tahun ini, mereka memenangi 23 daripada 32 kerusi yang dipertandingkan di UKM, berbanding hanya sembilan dengan baki 23 kerusi lagi dikuasai kumpulan propembangkang tahun lalu.

Di UPM pula, calon proaspirasi memenangi 30 daripada 45 kerusi dipertandingkan berbanding cuma 14 kerusi tahun lalu.

Sementara di USM pula, calon proaspirasi mencapai kemenangan majoriti dengan menguasai 20 daripada 37 kerusi MPP sesi 2003/2004 berbanding hanya 16 kerusi pada tahun lalu.

Calon proaspirasi meraih semakin banyak kerusi dan kekal diterajui pucuk kepimpinan MPP di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) apabila menguasai 36 dari-

Perbandingan kerusi i
Proaspirasi dan Propembangkang
Pilihan Raya MP I IPTA
Sesi 2003/2004

PTA	Proaspirasi	Propembangkang	Jumlah
UKM	23	9	32
UPM	30	15	45
UM	13	26	39
Kuktem	9	0	9
UPSI	14	10	24
UIAM	15	21	36
UMS	33	0	33
Unimas	13	0	13
UiTM	204	0	204
USM	20	17	37
Kustem	15	0	15
Kukum	9	0	9
KUTKM	20	0	20
KUiTTHO	21	0	21
UTM	36	9	45
UUM	29	1	30
Kuim	12	0	12
Jumlah	516	108	624

pada 45 kerusi dipertandingkan, berbanding hanya 28 kerusi tahun lalu; menang 14 daripada 24 kerusi (menang 13 kerusi tahun lalu) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); dan memenangi 29 daripada 30 kerusi (menang 22 daripada 28 kerusi tahun lalu) di Universiti

Utara Malaysia (UUM). Peratus pelajar membuang pada pilihan raya kampus secara keseluruhannya meningkat antara satu sehingga 100 peratus berbanding tahun lalu, kecuali empat IPTA, iaitu UPSI, Unimas, Kuktem dan Kuim.